

Perubatan veterinar

Pelajar perlu mengikuti pengajian pascaijazah
bagi menguasai kepakaran rawatan haiwan

IKUTI pandangan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris mengenai pengajian perubatan veterinar dan hala tuju bidang berkenaan seperti yang disampaikan kepada wartawan pendidikan Berita Harian, Basir Zahrom.

Bicara

CANSELERI

PERUBATAN veterinar adalah bidang rawatan berkaitan semua jenis haiwan yang dibahagikan kepada beberapa kategori antaranya avian iaitu spesies keluarga burung, haiwan kesayangan (termasuk eksotik), bersaiz besar dan liar.

Jika pelajar bidang ini mahu menjadi tenaga pakar, mereka perlu meneruskan pengajian hingga peringkat pascaijazah kerana kajiannya lebih fokus berbanding prasiswa yang hanya mendahakan perkara asas.

Contohnya, perubatan avian jika di peringkat sarjana muda, pelajar hanya diperkenalkan spesies ayam, itik serta beberapa jenis burung dan mengenai penyakitnya.

Di peringkat pascaijazah pula, mereka akan membuat kajian mendalam mengenai sesuatu spesies haiwan itu.

Kajian itulah yang bakal

menemui vaksin baru dan jenis virus mahupun bakteria pada haiwan mengikut kategorinya. Virus dan bakteria itu akan digunakan untuk menghasilkan vaksin.

Semua ciri sesuatu spesies haiwan perlu diambil kira kerana ia memerlukan rawatan berbeza mengikut jenis penyakit, fisiologi dan anatominya (kaki avian iaitu kuku tajam, tegap, ada web).

Walaupun sesetengah ubat boleh digunakan untuk sejenis spesies, ia boleh berubah menjadi racun kepada haiwan lain kerana tidak sesuai sekali pun masih dalam kategori sama.

Justeru, bidang ini sangat penting dan permintaan industri terhadap graduannya sangat tinggi sebagai pegawai veterinar di sesebuah organisasi yang memerlukannya termasuk ladang ternakan, industri perubatan, jabatan veterinar, Perhilitan dan Mardi.

Pendapatan yang menanti juga lumayan kerana tenaga pakar bidang ini sangat ter-



“Kualiti graduan sangat dijaga yang mana UPM hanya menyediakan bahan ujian bertulis, manakala amali dan ujian lisan dikendalikan pakar dari beberapa universiti terkemuka luar negara”

Dr Aini Ideris
Timbalan Naib Canselor Akademik dan
Antarabangsa UPM

had ekoran jumlah penge-
luaran graduan terhad dan
di negara ini hanya UPM
mempunyai fakulti veterinar
sendiri dengan pengambilan
cuma 60 pelajar setahun.

Jadi, kualiti graduan sa-

ngat dijaga di mana UPM hanya menyediakan bahan ujian bertulis, manakala amali dan ujian lisan dikenyalikan pakar dari beberapa universiti terkemuka luar negara, selain mempunyai pengalaman dua tahun di ladang ternakan serta masing-masing setahun di makmal dan hospital veterinar sebelum diberi peluang ke luar negara.

Graduan kami mendapat tempat di dalam dan luar negara, termasuk di New Zealand, United Kingdom (UK), Amerika dan Singapura.

Universiti Melbourne, Australia dan sebuah lagi di UK sangat mengalu-alukan kedatangan pelajar UPM melanjutkan pengajian di institusi mereka setiap tahun kerana kualiti yang ditunjukkan sejak sekian lama.

Sebahagian besar graduan kami juga membuka klinik veterinar sendiri untuk kategori haiwan kesayangan dan eksotik. Ramai yang berjaya termasuk di Sabah, Sarawak dan Kelantan yang sebelum ini dianggap tiada pasaran.

Antara tugas penting pegawai veterinar ialah mengawal dan mengesan penyakit termasuk yang berbahaya seperti selesma burung (pada peringkat awal ia dijangkiti) seterusnya memberikan vaksin dan ubat sesuai, selain dimasukkan ke wad jika perlu (haiwan kesayangan).

Kini kumpulan penyelidik kami sedang menjalankan beberapa kajian berpotensi dikomersialkan mengenai penghasilan pelbagai jenis vaksin yang sesuai dan membabitkan kos rendah.

Setakat ini, empat vaksin yang sesuai dengan penyakit spesies masing-masing, iaitu tiga untuk avian (Vaksin Newcastle, Fowl Pox dan Vaksin Infection Bursal Disease) dan satu lagi untuk kambing tempatan berjaya dikomersialkan. Semua vaksin itu mendapat pengiktirafan Majlis Perubatan Veterinar Malaysia.

Selain itu, sebuah syarikat khusus bagi menghasilkan vaksin berjaya ditubuhkan selepas vaksin veterinar pertama negara ditemui kumpulan penyelidik UPM, de-

ngan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia dan sebuah syarikat swasta dari Australia dengan suntikan kewangan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Institusi pengajian tinggi lain juga digalakkan mencerebur bidang ini, namun beberapa cabaran perlu dihadapi termasuk penyediaan bangunan kondusif, peralatan lengkap serta canggih dan tenaga pengajar pakar.

Kini, UPM sedang membina bangunan baru untuk hospital dan fakulti yang dijangka siap akhir tahun ini, jadi kami akan mengambil dua kali ganda pelajar baru bagi memenuhi kehendak industri.

Sebenarnya, perubatan veterinar adalah kerjaya menarik serta mencabar dan perlu dimajukan seiring dengan keperluan semasa yang sangat kekurangan tenaga pakar dalam bidang berkenaan.

Tenaga pakar bidang itu amat diperlukan kerana ia mampu menangani permasalahan yang dihadapi semua jenis haiwan terutama yang berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari manusia.



KETUA Pegawai Veterinar UPM, Dr Alimah Rahman (dua dari kiri) bersama pelajar memeriksa kucing bagi memastikan jangkitan Virus Feline Immunodeficiency, di universiti itu di Serdang, baru-baru ini.